

10 NOV 1999

Mahathir-Bonus

BN KEKAL PEMBERIAN BONUS DAN KENAIKAN 10 PERATUS GAJI POKOK

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) tetap memberi bonus sebulan gaji atau minimum RM1,000 dan kenaikan 10 peratus gaji pokok kepada semua kakitangan awam jika BN dipilih semula membentuk kerajaan pada pilihan raya umum ke-10 akan datang.

"Itu adalah janji kita (beri bonus dan kenaikan gaji pokok) dan kita akan tunaikan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Mesyuarat itu antara lain membincangkan mengenai persiapan jentera BN bagi menghadapi pilihan raya umum.

Perdana Menteri hari ini mengumumkan pembubaran parlimen mulai esok bagi memberi laluan kepada pilihan raya umum itu.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata memandangkan belanjawan yang dibentangkan di Parlimen pada 29 Okt lepas belum mendapat kelulusan parlimen, oleh itu satu belanjawan baru perlu dibentangkan.

"Terpulang siapa menjadi kerajaan, jika kita (jadi kerajaan), kita akan gunakan belanjawan yang sama dan jika perlu diperbaiki, kita akan memperbaikinya," katanya bila ditanya mengenai belanjawan itu.

Ditanya sama ada bonus sebulan gaji dan 10 peratus kenaikan gaji pokok tetap diberikan, Dr Mahathir berkata: "Ya, ia tetap diberikan. Kalau tukar kerajaan dan ambil parti lain, dia (parti lain) nak potong bonus, tak apalah."

Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh menteri kewangan pertama, Tun Daim Zainuddin, menjanjikan bonus satu bulan gaji atau minimum RM1,000 dan kenaikan 10 peratus gaji pokok kepada semua kakitangan awam.

-- BERNAMA

ARA NAK